

## RENCANA

Singapura kini merupakan negara dengan tahap vaksinasi tertinggi di dunia, setelah lebih 80 peratus penduduk kini telah menerima vaksin Covid-19. Sedang bilangan kes jangkitan setempat kini meningkat, usaha untuk memberi vaksin, termasuk suntikan penggalak, akan dipergiat. **BERITA HARIAN** mengimbangi kembali usaha vaksinasi yang dijalankan di serata negara sepanjang beberapa bulan yang lalu – dari pusat masyarakat yang dijadikan pusat vaksinasi hingga di rumah warga emas yang dikunjungi doktor dan jururawat.

## Tidak mahu ketinggalan divaksin...



**PUSAT VAKSINASI:** Orang ramai di pusat vaksinasi di Kelab Masyarakat Toa Payoh West pada 16 Ogos lalu. - Foto-foto BH oleh LIM YAOHUI, ALPHONSUS CHERN



**VAKSINASI BERGERAK:** Pasukan vaksinasi bergerak telah dikerah di kawasan perumahan yang mempunyai ramai warga emas, termasuk di Whampoa ini, untuk memudahkan warga emas mendapatkan vaksin berdekatan rumah mereka, seperti di bawah blok.

**VAKSIN SINOVAC:** Orang ramai mendapatkan vaksin Sinovac di sebuah klinik di Pickering Street. Ini setelah pihak berkuasa meluluskan beberapa klinik di sini untuk memberi vaksin itu kepada orang ramai di bawah Laluan Akses Khas (SAR). Sinovac menggunakan virus yang tidak aktif, manakala dua vaksin yang digunakan di bawah program nasional – Pfizer-BioNTech/Comirnaty dan Moderna – merupakan vaksin mRNA, iaitu bahan genetik.



**VAKSINASI DI RUMAH:** Pegawai penjagaan kesihatan membawa kotak penyejuk yang mengandungi vaksin Covid-19 semasa mengunjungi sebuah flat untuk memberi vaksin kepada seorang warga emas dan pembantunya. Usaha itu di bawah khidmat vaksinasi di rumah yang ditawarkan kepada golongan yang mempunyai kesukaran untuk bergerak.

## Kenal pasti, dampingi warga yang ragu dengan vaksin

► EIRLIANI ABDUL RAHMAN

APABILA rakan saya, Aaron (bukan nama sebenar), yang berusia 30 tahun memberitahu saya bahawa dia dijangkiti Covid-19, saya tersedar bahawa beliau telah menghadiri satu acara peregak utama yang saya ketahui di Colorado, Amerika Syarikat, di mana Aaron menetap. Beliau tidak menunjukkan sebarang gejala sehingga beberapa hari kemudian. Tetapi menjelang masa itu juga, beliau sempat menjangkiti ibu bapanya.

“Tidakkah anda mendapatkan vaksinasi?” saya bertanya, terperanjat. Beliau menjawab selamba, tidak.

“Mengapa tidak?”

Beliau membalas, “Ia kelihatan berisiko jadi saya mahu tunggu sebelum membuat keputusan.”

Pada Mac 2021, satu tinjauan oleh Persatuan Psikiatrik Amerika menunjukkan bahawa lebih 1 daripada 5 warga Amerika menyatakan mereka tidak mahu mendapatkan vaksinasi. Antara keprihatinan utama adalah keraguan bahawa vaksin telah dihasilkan terlalu cepat.

### Warga Yang Belum Divaksin lawan Warga Yang Ragu Mengenai Vaksin: Apa Maksudnya untuk Singapura

Di Boston, di mana saya kini menetap, terdapat budaya memakai pelitup yang kuat. Ia merupakan ibu kota Massachusetts, negeri yang menerajui dengan 65 peratus penduduknya telah menjalani vaksinasi penuh.

Jika dibandingkan dengan Colorado, tempat tinggal saya dari tahun 2017 hingga 2020, negeri itu ketinggalan di belakang dengan hanya 55 peratus.

Ramai dalam kalangan persekitaran sosial saya di Colorado merupakan golongan antivaksin, enggan memakai pelitup dan ragu-ragu untuk mendapatkan vaksinasi.

Covid-19 telah menimbulkan lagi ketidakpercayaan terhadap pihak berkuasa.

Di Amerika Syarikat, usaha komunikasi kesihatan awam telah mula menumpukan perhatian kepada golongan yang teragak-agak dengan vaksin.

Kita juga harus lakukan sedemikian di Singapura. Sedang Singapura merancang ke hadapan untuk fasa endemik setelah mencapai matlamat mendapatkan 80 peratus penduduk menjalani vaksinasi penuh menjelang bulan September ini, kita harus mempertingkatkan usaha untuk dampingi warga yang masih belum divaksin sehingga kini, walaupun mereka layak menerimanya.

Contohnya, pada tanggal 2 Ogos 2021, sekitar 96,000 warga emas berusia 70 tahun dan ke atas, belum menjalani vaksinasi.

Adakah ini berpunca dari keraguan terhadap vaksin, isu mobiliti atau kurangnya maklumat tentang cara-cara mendapatkan vaksinasi?

Adakah ramai di antara mereka yang menentang dan menolak usulan untuk mendapatkan vaksin Covid-19?

Satu petunjuk penting muncul dari tinjauan yang dijalankan Yayasan Keluarga Kaiser di Amerika Syarikat.

54 peratus responden yang sebelum ini menyatakan mereka mahu “menunggu dahulu” sebelum mengambil keputusan untuk mendapatkan vaksinasi, kini sudahpun menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin Covid-19.

Walau bagaimanapun, 76 peratus dari kalangan mereka yang sebelum ini menyatakan bahawa mereka hanya akan “mendapatkan vaksin jika ia diwajibkan dari segi undang-undang” atau mereka enggan untuk mendapatkan vaksin Covid-19, masih belum divaksinasi.

Apa yang telah meyakinkan golongan responden yang mahu “menunggu dahulu” supaya berubah fikiran?

Mereka menerangkan bahawa mereka telah terdengar atau terbaca sesuatu

“Ini harus melibatkan kita semua untuk meyakinkan warga yang masih belum divaksin dan bantu untuk mengatasi keraguan mereka.

Mendengar secara langsung dari orang yang mereka kenal dan percaya akan mempunyai kesan yang mendalam.

Saya telah berbual dengan salah seorang anggota keluarga saya, yang sebelum ini tidak mahu mendapatkan vaksin Covid-19.

Akhirnya, dia divaksinasi dengan sokongan isterinya.”

– Penulis.

yang memujuk mereka untuk mendapatkan vaksinasi.

Malah, 36 peratus telah berbincang dengan seseorang yang rapat, atau seorang doktor.

Apakah strategi komunikasi kesihatan awam yang paling berkesan untuk Singapura pada masa ini?

Ini sepatutnya termasuk penyebaran maklumat untuk menekankan keselamatan vaksin-vaksin itu sendiri.

Saya berbincang dengan Dr Thomas Tsai, Penolong Profesor dari Jabatan Dasar Kesihatan dan Pengurusan di Sekolah Kesihatan Awam Harvard T.H. Chan (HSPH) dan Felo Kanan di Institut Kesihatan Global Harvard.

“Matlamatnya adalah untuk meningkatkan keyakinan terhadap vaksin,” katanya.

Ini harus melibatkan kita semua untuk meyakinkan warga yang masih belum divaksin dan bantu untuk mengatasi keraguan mereka.

Mendengar secara langsung dari orang yang mereka kenal dan percaya akan mempunyai kesan yang mendalam.

Saya telah berbual dengan salah seorang anggota keluarga saya, yang sebelum ini tidak mahu mendapatkan vaksin Covid-19. Akhirnya, dia divaksinasi dengan sokongan isterinya.

Saya amat berwaspada tentang perbincangan mewajibkan vaksinasi, yang mungkin akan mengakibatkan lagi ketidakpercayaan lebih mendalam kepada pihak berkuasa, sewaktu pentingnya kita berpadu untuk menyatukan perbezaan pendapat.

Mungkin satu tinjauan dapat dilancarkan untuk memahami alasan warga yang berkeras tidak mahu divaksinasi.

Adakah ia berpunca dari kepercayaan optimistik atau taksub bahawa kemungkinan untuk sesuatu yang buruk menimpa diri sendiri adalah tipis, berbanding dengan kemungkinan ia berlaku kepada orang lain?

Satu cara bagi mereka yang masih tidak mahu divaksinasi ialah menjalani ujian Covid-19 secara kerap untuk memasuki tempat-tempat awam.

Kelonggaran harus diberikan atas alasan-alasan perubahan atau agama.

Mari kita mengenalpasti dan dampingi warga yang ragu dengan vaksin dalam kalangan kita dan mulakan perbincangan.

Bersama, kita boleh merubah arus.

► Eirliani Abdul Rahman ialah Felo Kepimpinan Praja, yang kini melanjutkan pelajaran dalam Kedokteran Kesihatan Awam di Universiti Harvard. Rencana ini ditulis untuk Berita Minggu.

## Let's Reach Out to the Vaccine Hesitant

When a 30-year-old friend in Colorado in the US said he got COVID-19, I immediately realized that Aaron\* had been to a super spreader event that I had heard about. He didn't get the symptoms until a couple of days later, by which time he had also infected his parents.

"Didn't you go get vaccinated?" I asked. He answered in the negative.

"Why in the world not?"

He replied, "It seemed risky so I wanted to wait it out."

In a March 2021 poll conducted by the American Psychiatric Association, more than 1 in 5 Americans said they would not get vaccinated<sup>1</sup>. Among the key concerns was the worry that the vaccine was developed too quickly.

### The Unvaccinated vs the Vaccine Hesitant: What it Means for Singapore

In Boston, where I currently reside, there is a strong mask-wearing culture. It's the capital of Massachusetts, which is leading the country with 65%<sup>2</sup> of the population being fully vaccinated. In contrast, Colorado, where I lived from 2017 to 2020, lags behind at 55%<sup>3</sup>. There were many in my social milieu in Colorado who are anti-vaxxers, refuse to wear a mask and are hesitant about getting inoculated.

COVID-19 has brought to the fore mistrust against the authorities. In the US, public health communication efforts have begun to focus on the vaccine hesitant. We should do the same in Singapore. As Singapore plans ahead for the "endemic" road map with the goal of getting eighty percent of our population vaccinated by September, we will need to step up efforts to reach out to those who have remained unvaccinated till now even though they are eligible.

For example, as of 2 August, approximately 96,000<sup>4</sup> seniors of 70 years and above have not yet been inoculated. Is this stemming from vaccine hesitancy, mobility issues and/or lack of information on how to obtain a vaccine? Or are many of them simply against the idea of getting a COVID-19 vaccine?

An important clue comes from a survey conducted in the US by the Kaiser Family Foundation.<sup>5</sup> 54% of respondents who had previously said they wanted to "wait and see"

---

<sup>1</sup> <https://www.psychiatry.org/newsroom/news-releases/new-apa-poll-shows-sustained-anxiety-among-americans-more-than-half-of-parents-are-concerned-about-the-mental-well-being-of-their-children>

<sup>2</sup> <https://usafacts.org/visualizations/covid-vaccine-tracker-states/state/massachusetts>

<sup>3</sup> <https://usafacts.org/visualizations/covid-vaccine-tracker-states/state/colorado>

<sup>4</sup> <https://www.moh.gov.sg/news-highlights/details/covid-19-vaccinations>

<sup>5</sup> <https://www.kff.org/coronavirus-covid-19/poll-finding/kff-covid-19-vaccine-monitor-in-their-own-words-six-months-later/>

before getting vaccinated, have gotten at least one dose of a COVID-19 vaccine. However, 76% of people who had previously said they would “only get vaccinated if required” or said they would “definitely not” get a COVID-19 vaccine remain unvaccinated.

What convinced those in the “wait and see” camp? They explained that they had heard or read something that persuaded them to get inoculated. 36% spoke with someone close to them, or their own doctor or general practitioner.

What would be the most effective public health communication strategy for Singapore at this time? It would involve messaging to emphasize the safety of the vaccines.

I spoke with Dr. Thomas Tsai, Assistant Professor from the Department of Health Policy and Management at the Harvard T. H. Chan School of Public Health (HSPH) and Senior Fellow at the Harvard Global Health Institute.

“The goal should be on increasing vaccine confidence,” he said.

It would involve all of us reaching to those who are unvaccinated and helping them overcome their fears. Hearing directly from those they know and trust could have a huge impact. I spoke to a member of my family who was against taking the COVID-19 vaccine. In the end, he got inoculated with support from his wife.

I’m wary of current debates about vaccine mandates which may foster deeper mistrust of authorities at a time when there needs to be a way to bridge differences. Perhaps a poll could be conducted to understand the reasons of those who refuse to get vaccinated. Does it come from optimistic bias viz. an erroneous belief that one’s chances of experiencing a negative event is lower than others? One workaround for those who still refuse to get vaccinated is to have them tested regularly for entry into public spaces. There should be exclusions based on medical and/or religious reasons.

Let’s ascertain who are the vaccine hesitant in our midst and start conversations. Together, we can turn the tide.

*Eirliani Abdul Rahman is a Prajna Leadership Fellow pursuing a Doctorate in Public Health at Harvard University.*

*\*Name changed for privacy reasons.*

---